

BROSIS

Unit Kebudayaan
HEP USM
Edisi 11
Jan-Mei 09
1430 H



Trendy... Simple... Menawan

Isu Kampus LUAR vs DALAM

Info Sihat :

6 Tips Mengawal Berat Badan

**Bual Brosis
Boikot Barangan Amerika ?**



Tips Solekan 5 minit ke kuliah

**Segaknya Lelaki...
Cantiknya wanita...**

**Wanita & Kerjaya
Puan Mona Din
Wanita Berhati Waja**

BROSIS



PENERBIT Unit Kebudayaan HEP
PENERBIT EKSEKUTIF USIM
PENASIHAT EKSEKUTIF Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

PENASIHAT I Y.Bhg Prof Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Sains Islam Malaysia

PENASIHAT II Tuan Haji Mazlan Nawang
Timbalan Pendaftar HEP

EDITOR Ismail Ahmed
ismail.a@usim.edu.my
Tel: 06- 7986106

WARTAWAN Khairul Nizar Mohd Salleh
Nurul Hidayah Mat Sarip
Nur Solehah Kamarudin
Suhana Mohamed Nawi
Siti Nur Hidayah Mohamed Isa
Arohiyah Abdullah

PERUNDING IMEJ Arohiyah Abdullah

PERUNDING KREATIF Unit Kebudayaan HEP
Ranofla Dianti Irwan

PEREKA GRAFIK Nubhan

PENAJA BUSANA Butik HAJABA

PERUNDING IMEJ & SOLEKAN Ilham Lisa Creation

PENYELARAS PENERBITAN Rozihani Mohamad

JURUFOTO Ferry Sabak Studio

PENGURUSAN PENGEDARAN Unit Kebudayaan HEP

PENGURUS PENERBITAN Unit Kebudayaan HEP

Diterbitkan oleh:
Unit Kebudayaan
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai
Negeri Sembilan



NOTA
EDITOR

3

ISU KAMPUS
Luar vs Dalam

4

INFO SIHAT

6

PERSONALITI BROSIS

7

TIPS SOLEKAN
5 MINIT KE KULIAH

8

TIPS SOLEKAN
5 MINUT KE DINNER

8

WANITA & KERJAYA

9

BUAL BROSIS

10

SEGAKNYA LELAKI
CANTIKNYA WANITA

11 & 12



NOTA EDITOR

Assalamualaikum dan salam mesra buat semua pembaca Brosis yang dikasihi. Alhamdulillah kerana Kasih dan RahmatNya, kita bertemu dalam ruangan Nota Editor edisi 11 1430 H/ 2009. Salam kesejahteraan buat saudara kita di Palestine. Mudah-mudahan mereka akan sentiasa diberi kekuatan untuk menghadapi Zionis. Emm... tahun baru menjelang tiba..apakah azam anda kali ini?

Saban tahun rasanya kita menyambut tahun baru dengan pelbagai azam mengikut gerak hati kita. Ada yang berazam nak berjimat cermat, maklumlah kegawatan ekonomi sekarang ini. Tapi ramai juga yang berazam untuk berjaya. Mungkin berjaya dalam hidup, pelajaran, kerjaya, percintaan dan bermacam- macam lagi. Bagaimana petua orang yang ingin berjaya ini? Yang pasti mereka yang berjaya perlu menetapkan satu matlamat dalam hidup. Jadi untuk edisi kali ini saya akan berkongsi dengan anda bagaimana caranya menetapkan matlamat untuk menjadi orang yang berjaya.

Kadangkala kita terlupa untuk menetapkan matlamat hidup yang jelas atau lebih teruk lagi ragu- ragu dengan matlamat sendiri. Bagaimana untuk menjadi berjaya jika terdapat keraguan dengan matlamat sendiri. Ini perlu dihentikan. Mari kita kongsi petua dari John Zenger ini :

1. Tulis matlamat anda dengan jelas dan paling penting dengan gaya yang boleh menarik perhatian anda tiap kali anda terpandanginya samada dari segi warna dan sebagainya.
2. Letakkan di tempat yang mudah dilihat oleh anda, mungkin di depan cermin tempat anda selalu berhias diri.
3. Bincang dengan rakan- rakan anda, Baca berulang kali dan jelaskan maksud yang anda inginkan dari matlamat yang ditulis oleh anda sendiri kepada rakan- rakan tadi.
4. Lihat matlamat itu. Adakah ia berkaitan pelajaran tertentu, PNQG, PNQS atau berkaitan aktiviti yang boleh membantu anda mencapai matlamat. Beri fokus kepada gerak kerja anda seolah- olah ianya perlu diber penekanan penting dalam kehidupan seharian anda.
5. Buat senarai kerja dan tanggungjawab. Tanya kepada diri anda bagaimana senarai itu berupaya membantu anda mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
6. Kaji senarai matlamat anda. Mungkin ada perkara yang tidak dimasukkan dan kaitan dengan fokus anda.
7. Bandingkan dengan matlamat baru dan yang lama. Perbezaan menunjukkan beberapa nilai yang perlu diberi fokus semula.
8. Jangan abaikan matlamat anda sendiri. Bertindak jujur dan rasai kepentingannya dalam kehidupan anda.
9. Akhir sekali sekiranya matlamat tadi tidak sesuai dengan anda, ambil tindakan segera. Matlamat seperti darah anda.
10. Orang yang mempunyai darah O tidak mungkin boleh menerima darah jenis B. Jika dimasukkan juga ianya 11. tidak dapat berfungsi dan ditolak oleh tubuh anda. Begitu juga dengan matlamat hidup. Buatlah matlamat yang sesuai dengan "darah" anda.
11. Jadilah pelajar yang bermatlamat untuk berjaya dan jangan lupa untuk menjaga ketrampilan anda. Salam hormat dan ceria selalu.

Salam mesra,
Ismail Ahmed
EDITOR BROSIS

Isu Kampus

LUAR vs DALAM

Temuramah bersama En. Agoos Munalis Bin Tahir
Pengetua Kolej Kediaman Sutera Indah



SOALAN 1

Apakah pendapat Encik Agoos berkaitan isu semakin ramai pelajar yang lebih suka tinggal di luar (rumah sewa)?

JAWAPAN 1

Terdapat beberapa faktor sebenarnya yang mengaitkan isu ini. Salah satunya memang faktor kewangan yang menyekat mereka untuk tinggal di dalam asrama. Yang keduanya adalah faktor peraturan asrama yang mana pelajar rasa ianya menyekat kebebasan terutama dari segi aktiviti luar dan juga had masa keluar masuk asrama. Contohnya, ada pelajar yang bekerja sambil dan kadang-kadang had masa mereka bekerja melebihi masa yang ditetapkan oleh pengurusan kolej kediaman. Saya melihat isu ini sebagai suatu perkara yang normal yang ada pro dan kontranya. Contohnya, dari aspek kebaikannya mungkin pelajar boleh mengurus sendiri kewangan peribadi mereka dengan menghadkan jumlah wang saku untuk makan, berbelanja dan lain-lain. Dari segi keburukan pula pelajar mungkin inginkan kebebasan dari sudut hubungan luar sehingga kadang-kadang tersasar dari landasan yang sepatutnya.

SOALAN 2

Adakah benar isu pelajar yang tinggal di luar dikaitkan dengan penjimatan kos hidup seharian berbanding tinggal di asrama?

JAWAPAN 2

Berdasarkan alasan yang kami luluskan dari borang permohonan keluar asrama, dapatlah kami rumuskan bahawa masalah kewangan memang adalah faktor utama untuk mereka tinggal di luar selain ingin berdikari, aktif dengan aktiviti, dan sebagainya. Ini memang adalah faktor utamanya kerana jika kita dapat lihat misalnya di Nilai, kos sara hidupnya memang sangat tinggi. Kebanyakan barang-barangnya mahal dan kadang-kadang harga itu tidak seperti kita jangkakan. Jadi dengan wang saku yang terhad, mereka perlu membataskan semua aktiviti dan keinginan mereka terhadap perkara yang lain. Jadi, masalah kewangan ini memang tidak dapat dinafikan sebagai salah satu punca yang berkait rapat dengan isu ini.

SOALAN 3

Bagaimanakah pula bagi mereka yang lebih suka menggunakan kenderaan sendiri daripada menggunakan perkhidmatan bas yang telah disediakan oleh pihak USIM jika ianya dikaitkan dengan penjimatan kos kehidupan sebagai seorang pelajar?

JAWAPAN 3

Sebagaimana yang saya beritahu tadi, pelajar tinggal di luar mungkin dengan alasan masalah kewangan, walhal apabila keluar mereka sebenarnya telah menambah masalah baru apabila menggunakan kenderaan sendiri. Walaubagaimanapun, pelajar kenalah composit iaitu mencari jalan bagaimana ingin mengatasi masalah itu kerana mereka yang membuat pilihan ke atasnya. Contohnya, jika pelajar itu berulang dari Nilam Court ke kampus, memang pastilah kosnya tinggi, tetapi bagi pelajar yang tinggal di Desa Anggerik, sudah tentu kosnya lebih murah. Atas sebab inilah, mereka lebih suka untuk menggunakan kenderaan sendiri.

SOALAN 4

Bagaimanakah perancangan kewangan yang baik dalam menguruskan kehidupan sebagai seorang pelajar yang belum mempunyai sebarang pendapatan lebih-lebih lagi kebanyakannya bergantung harap kepada pinjaman PTPTN dan biasiswa JPA?

JAWAPAN 4

Seharusnya bagi seorang pelajar yang baik, mereka merancang belanjawan mereka per semester ataupun sebaiknya di setiap hujung bulan. Ini bertujuan untuk meningkatkan keselesaan mereka dan tidak terputus bekalan kewangan di pertengahan bulan. Jadi, mereka perlu merancang berapa banyak jumlah yang boleh mereka peruntukkan untuk kehidupan seharian termasuk makan pakai, pembelajaran, dan sebagainya. Kalau boleh, mereka harus mencari sesuatu inisiatif dan alternatif lain untuk menambahkan wang saku seperti berniaga dan juga bekerja sambil, tetapi tambahan kerja sebegini memerlukan pengorbanan yang cukup besar dari segi tenaga dan kudrat. Mereka juga kena pandai membahagikan masa dengan sebaiknya agar tidak tertinggal di dalam pelajaran. Biarlah kedua-duanya kita cemerlang. Contohnya, hanya menetapkan 3 hari seminggu untuk bekerja dan 4 hari selebihnya untuk belajar. Kemudian, fokus sebaiknya dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Jadi, saya rasa takkan timbul masalah baru bagi pelajar yang bijak menggunakan masa seperti ini malah boleh menambahkan dana mereka untuk survive di universiti.


SOALAN 5

Untuk solan terakhir, apakah harapan Encik Agoos kepada pelajar USIM dalam menguruskan kewangan mereka ?

JAWAPAN 5

Ok, pertamanya buat belanjawan dan berfikir terlebih dahulu sebelum kita berbelanja. Kedua, jangan bertindak mengikut nafsu dan belajar untuk menyimpan wang walaupun sedikit setiap kali selepas guna. Ini tidak mustahil kerana ada kajian yang telah membuktikan bahawa ada pelajar yang masih belajar boleh menyimpan wang hampir RM1000 sebulan. Pelajar sangat luxury sebenarnya. Waktu mereka sangat banyak jika pandai menggunakan dengan sebaiknya. Jadilah individu yang tahu menguruskan kehidupan dengan baik agar tidak tersasar dari landasan yang sebenarnya.

Info Sihat : 6 Tips Mengawal Berat Badan



Diet oh Diet!!!
6 TIPS MENGAWAL BERAT BADAN

Elakkan Penurunan Berat Badan Yang Drastik

Biasanya, bagi mereka yang kehilangan berat badan dengan cepat, sebenarnya mereka hanya kehilangan glikogen (karbohidrat) dan air sahaja, bukan lemak.

Gantikan Dengan Makanan Lain

Cuba gantikan makanan kegemaran anda yang tinggi lemak, gula atau garam dengan makanan yang rendah lemak, rendah kandungan gula dan rendah kandungan garam. Anda boleh cuba minum susu atau yogurt rendah lemak dan sebagainya.

Minum Banyak Air

Anda perlu banyakkkan minum air putih dan air soya dan elakkan mengambil air berkarbonat.

Banyakkkan Bergerak dan Bersenam

Untuk mengekalkan bentuk badan yang menarik, anda perlu banyak bergerak dan bersenam untuk membakar kalori anda yang berlebihan

Fokus Pada Sihat, Bukan Untuk Kurus

Kebanyakkan individu yang berjaya mengurangkan berat badan dalam jangka masa yang panjang akan mengubah objektifnya daripada ingin menjadi kurus kepada ingin menjadi sihat. Tetapkan pemikiran anda dengan memilih makanan yang boleh memberikan nutrien dan khasiat yang optimum kepada badan anda.

Atasi Tekanan Emosi

Emosi yang bercelaru boleh menyebabkan anda teruja untuk makan. Cuba anda mengatasinya dengan meluahkan kepada rakan baik anda atau kaunselor. Lakukan juga aktiviti yang boleh menggembirakan anda supaya tekanan anda dapat diatasi.

PERSONALITI BROSIS

ANTARA IMPIAN & CITA-CITA

Gadis manis penghias cover BROSIS kali ini mempunyai perwatakan dan penampilan yang menarik. Hanisah yang kini di tahun 3 Fakulti Syariah & Undang-Undang bercita-cita menjadi seorang peguam. Beliau yang pernah mendapat Anugerah Dekan 2007 berharap beliau akan berjaya mencapai cita-citanya.

Menyentuh tentang impiannya, Hanisah ingin membuka butik muslimah yang menyediakan keperluan lengkap kaum wanita. Hanisah berharap impiannya akan tercapai satu hari nanti memandangkan beliau amat menyukai penampilan yang menarik terutamanya di kalangan mereka yang berkerjaya.



Tips Solekan 5 minit ke Kuliah



Langkah 1
Sapukan bedak Compact ke seluruh wajah diikuti loose powder



Langkah 3
Sapukan blusher yang sesuai dengan warna muka



Langkah 2
Sapukan pembayang mata yang berwarna lembut seperti pink, biru muda atau hijau muda dengan brush lembut



Langkah 4
Sapukan pengilat bibir untuk menyerlahkan bahagian bibir



5 minit dan anda dah bersedia ke kuliah dengan wajah ceria dan berkeyakinan. Cubalah...

Tips Solekan 5 minit ke Dinner



Sebelum



Langkah 3
Sapukan Pembayang mata dengan warna asas iaitu putih dan diikuti dengan warna yang gelap seperti purple gelap, biru gelap atau coklat gelap.



Langkah 1
Sapukan Foundation dengan kemas ke seluruh muka diikuti dengan bedak loose powder dan bedak compact



Langkah 4
Sapukan Blusher yang sesuai dengan kulit muka anda dengan brush lembut.



Langkah 2
Bentukkan Kening dengan brush kening



Langkah 5
Untuk bahagian bibir anda perlu mengukir bibir dengan lip liner terlebih dahulu dan sapukan pengilat bibir.



Kenakan pakaian yang sesuai dan anda dah bersedia ke dinner...cantik dan bergaya

Wanita & Kerjaya

Puan Mona Din

Wanita Berhati Waja



Rasulullah pernah ditanya, apakah pekerjaan yang terbaik. Jawab Baginda, " Pekerjaan yang terbaik apabila seseorang itu berusaha dengan tangannya sendiri dan semua jual beli yang dianggap baik (diredai) " (Riwayat Ahmad, Baihaqi). Begitulah personaliti wanita dan kerjaya pada kali ini. Beliau merupakan pengasas Leesa Formula, Serenity Spa dan Butik Hajaba. Puan Mona Din berasal ampung Carok Mokkan, pendalaman Jitra, Kedah dan datang dari keluarga yang miskin. Dibesarkan dalam keluarga yang seramai 12 orang adik- beradik, beliau berusaha untuk berjaya dalam pelajaran dan berjaya memperolehi Diploma Pentadbiran Awam dari Uitm Shah Alam. Manakala 10 dari adik-beradiknya berjaya memegang ijazah dan masters dari dalam dan luar negara. Kemiskinan ternyata tidak melemahkan semangat wanita berhati waja ini. Beliau yang memulakan kerjaya dalam bidang penerbitan, telah berjaya mencipta kejayaan dengan menerajui sebanyak 28 majalah di Kumpulan Karangraf. Semangat dan dedikasi yang ditunjukkan beliau telah membuahkan hasil dan diiktiraf sehingga dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Pengiklanan Kumpulan Karangraf. Puan Mona Din amat mementingkan keluarga. Selama 19 tahun melayari alam perkahwinan, beliau amat menghormati dan menghargai suami dan anak-anak. Beliau mempunyai 6 cahayamata. Anak sulung yang diberi nama Nur Salima menghadapi Sindrom Down dan masalah jantung dan injab berlubang yang kronik manakala lima lagi anaknya sihat dan normal. Membesarkan 6 cahayamata disamping menguruskan anak yang istimewa ternyata bukanlah satu tugas yang mudah. Apatah lagi sebagai Pengurus Besar Pengiklanan, beliau bertanggungjawab dalam mencapai sasaran jualan yang telah ditetapkan. Namun beliau sering mengingatkan diri tiada istilah " kasihani saya". Pada tahun 2003, beliau telah meletakkan jawatan di Kumpulan Karangraf dan menubuhkan perniagaan sendiri yang dikenali sebagai Leesa Formula Sdn Bhd. Beliau terpaksa menjual dua buah kereta peribadi serta menggunakan wang simpanan perubatan anaknya yang Sindrom Down untuk memulakan perniagaannya. Berkat ketekunan suami isteri, Leesa Formula berjaya menjadi antara produk terlaris di Malaysia. Setahun Leesa Formula dipasaran, beliau telah membeli sebuah bangunan lot tepi di Seksyen 3 Shah Alam. Beliau seterusnya mengembangkan sayap perniagaannya dengan menubuhkan Serenity Spa. Kesungguhan beliau terbukti apabila berjaya membuka 8 cawangan Serenity SPA dalam masa 16 bulan. Serenity Spa bukan saja terkenal malah merupakan Spa yang terbesar di Malaysia. Kegigihan Puan Mona untuk melangkah lebih jauh dalam bidang perniagaan terbukti dengan penubuhan HAJABA, butik eksklusif yang mengeluarkan dan memasarkan kelengkapan busana muslimah. Sekali lagi menerusi HAJABA, beliau telah berjaya membuka 6 cawangan dalam masa 4 bulan beroperasi. Apa yang sangat menarik untuk dikongsi, beliau menubuhkan semua perniagaannya dengan menggunakan modal sendiri tanpa bantuan bank mahupun kerajaan. Bayangkan hari ini setelah 5 tahun menceburi bidang perniagaan, beliau dan suami berjaya mencipta empayarnya sendiri dan menjadi salah satu household brand yang terkenal di Malaysia. Menurut beliau, kejayaan pasti ada jika mahu berjuang, berusaha dengan sepenuh hati dan jiwa.



ANUGERAH/ PENCAPAIAN

SPA PERSONALITY OF THE YEAR 2008

ANUGERAH WANITA WAJA 2008

BEST SPA DESIGN FOR HOTEL/RESORT(SERINITY SPA @ HOTEL MSUITES JB)

TOP 5 BEST DAY SPA (SERINITY SPA @ HOTEL BLUEWAVE SHAH ALAM)

FINALIST HOSPITALITY AND PLATINUM AWARD (HAPA) ENTREPRENEUR OF THE YEAR

BEST DAY SPA (SERINITY SPA BANGI)

BEST DAY SPA (SERINITY SHAH ALAM)


MOTO

To success, we must pursue the game of impossible. We conquer the fear of failure .

Bual Brosis Boikot Barangan Amerika?

Nursaoudah Minikutty FKP

Pada pandangan saya, ianya relevan dan sesuai kerana buat masa sekarang keuntungan produk Israel memang disalurkan untuk memerangi rakyat Palestin. Sekurang-kurangnya dengan memboikot barangan tersebut kita dapat membantu rakyat Palestin, walaupun bukan 100% tetapi dengan cara ini kita dapat memberikan sedikit sumbangan yang termampu.



Nadziroh Md Zubir FKP

Saya bersetuju memboikot barangan Israel tetapi tidak 100% kerana kebanyakan produk yang dikeluarkan di pasaran Malaysia adalah dari barangan Amerika dan Israel dan sesetengah barangan tersebut kita masih tidak dapat lari dari menggunakannya. Ini kerana produk mereka memang berkualiti tetapi buat masa sekarang saya masih mencari produk tempatan yang berkualiti dan boleh dijadikan alternatif kepada produk Israel atau Amerika.


Filzah Hanani Muhamad FPQS

Rasanya memang wajar kita memboikot barangan itu sebab kita jelas bahawa hasil daripada jualan mereka digunakan untuk membeli senjata bagi memusnahkan orang Islam. Walaupun dengan memboikot sedikit sebanyak akan menjejaskan ekonomi kita, tapi dengan memboikot jika menyeluruh, sekurang-kurangnya kita dapat memberi kesan kepada ekonomi Israel dan Amerika. Sebolehnya kita harus mencari alternatif lain untuk menggantikan barangan mereka. Macam gmail, mungkin sekarang kita tidak boleh boikot sebab kita terpaksa menggunakannya untuk menyimpan dan mendapat maklumat, lagipun jika kita nak cipta perisian sendiri dalam masa terdekat mungkin tidak setanding dengan perisian mereka. Kesimpulannya, memboikot lebih baik dari memberi keuntungan sewenangnya kepada mereka tapi kalau tidak boleh nak buat macam mana... peace!



Wan Azira FSU

Pada pendapat saya, boikot barangan Israel relevan, sebab tidak mahu ekonomi mereka meningkat dan biarkan mereka miskin, jika mereka miskin, mereka tidak mampu mencipta alat-alat kelengkapan perang yang canggih.. lebih kurang begitu la...



JURUFOTO  Ferry Sabak Studio 012-9069714

PENAJA BUSANA Unit Kebudayaan

SOLEKAN Ilham Lisa Creation 019-7346424

Segaknya Lelaki...

Cantiknya wanita...



JURUFOTO

Ferry Sabak Studio

012-9069714

PENAJA BUSANA

Butik Hajaba

019-2116606

SOLEKAN

Ilham Lisa Creation

019-7346424

